

**Kemelut pemilihan CEC DAP perlu jadi iktibar kepada Umno, kata Utusan Malaysia  
Malaysian Insider  
Sept 30 , 2013  
OLEH MD IZWAN**

Umno diingatkan supaya tidak meneruskan amalan politik wang dan sikap memburukkan calon lain menjelang pemilihan parti Oktober ini, ia bagi mengelak berlaku kemelut dalaman seperti parti lawannya DAP.

Dalam artikel bertajuk "Tiada Kejutan Dalam Pemilihan Ulangan CEC DAP" di akhbar Utusan Malaysia hari ini, parti utama Barisan Nasional (BN) dijangka berhadapan masalah rumit terutamanya dari segi aspek teknikal.

"Berbanding DAP, sudah tentulah, pemilihan dalam Umno terpaksa menempuh perjalanan yang rumit," kata akhbar tersebut.

"Sebarang masalah teknikal yang berlaku perlu diselesaikan segera," tambahnya lagi.

Bagaimanapun, politik wang dan sikap suka memburukkan calon lain yang berulang kali timbul setiap pemilihan parti perlu ditangani segera kali ini, kata akhbar pro-Umno tersebut.

"Fokus utama yang perlu diberi perhatian ialah politik wang dan kempen memburukkan orang lain.

"Seperti dibangkitkan sebelum ini, apa yang penting ialah elakkan ketirisan poket sepanjang berkempen," katanya lagi.

Umno akan berdepan pemilihan parti yang paling rumit dalam sejarah sejak penubuhannya dimana bakal melibatkan lebih 146,000 perwakilan yang akan memilih 33,682 calon pemimpin bagi pelbagai peringkat iaitu Majlis Tertinggi, Pergerakan Wanita, Pemuda, Puteri dan bahagian.

Jumlah tersebut jauh berbeza jika dibandingkan dengan pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP yang berlangsung semalam kerana hanya melibatkan tidak sampai 2,000 perwakilan.

Akhbar tersebut juga berkata Umno perlu memastikan kredibiliti parti tidak terjejas dengan pemilihan yang bakal berlangsung, ia susulan wujud kekaburan melibatkan beberapa perkara khususnya etika berkempen.

"Begitu juga dengan etika berkempen. Pihak yang menjadi pemantau pemilihan kali ini perlu lebih jelas dengan etika berkempen, bukan sekadar pertemuan di peringkat bahagian tetapi juga kenyataan, ucapan oleh calon-calon yang bertanding," katanya lagi.

Akhbar tersebut juga mempersoalkan kaedah platform yang diberikan oleh Umno kepada calon yang tidak mempunyai jawatan semasa berkempen.

"Timbul persoalan bagaimana ruang untuk mereka yang tidak memegang sebarang jawatan mampu muncul dalam pelbagai media," ujarnya lagi.

Dalam artikel tersebut lagi, Utusan Malaysia membidas pemilihan CEC sebagai tidak mempunyai "sesuatu yang istimewa" dan mempersoalkan hala tuju pemimpin Melayu yang

dianggap sebagai kumpulan terpinggir.

"Pada masa yang sama, perwakilan tetap menolak calon-calon Melayu yang turut menawarkan diri bertanding termasuklah Senator Ariffin SM Omar yang dilantik sebagai Naib Pengerusi selepas pemilihan lalu.

"Benarkah kenyataan seorang calon CEC Melayu, Zulkifli Mohd Noor bahawa nilai orang Melayu dalam DAP ibarat mata wang bernilai 'lima kupang' atau 50 sen?" soal akhbar tersebut terhadap sokongan kepada calon Melayu dalam parti tersebut.

Semalam, DAP mengadakan pemilihan CEC baru untuk mengelak pembatalan pendaftaran parti itu mengikut arahan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) pada 30 Julai.

RoS mengarakan pemilihan diadakan semula selepas beberapa ahli tidak berpuas hati mendakwa pemilihan pada Disember tahun lalu tidak dikendalikan engan sempurna selepas parti mengumumkan kesilapan dalam pengiraan undi mengakibatkan kesilapan calon terpilih ke CEC.

Ahli yang tidak berpuas hati itu juga mendakwa mereka tidak dimaklumkan mengenai pengundian itu.

Keputusan CEC yang diumumkan semalam masih mengekalkan status quo seperti pemilihan terdahulu, cuma yang membezakan adalah jumlah undi yang diperolehi oleh calon-calon yang bertanding.

Ahli Parlimen Bukit Bendera Zairil Khir Johari, yang merupakan satu-satunya calon Melayu dipilih menganggotai 20 keahlian CEC mendapat undi majoriti lebih besar pada pemilihan kali ini.

Ahli Parlimen Kluang Liew Chin Tong masih mendapat undi tertinggi dengan 1,434 diikuti pemimpin veteran Lim Kit Siang dengan 1,436 dan Karpal Singh (1,432).

Anak Karpal, Ahli Parlimen Puchong Gobind Singh Deo masih mendapat undi keempat tertinggi dengan 1,409 undi sementara Ketua Menteri Pulau Pinang Lim Guan Eng mengekori rapat dengan 1,304 undi. – 30 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kemelut-pemilihan-cec-dap-perlu-jadi-iktibar-kepada-umno-kata-utusan-malays>